

MoA & MoU

Sepanjang tiga bulan pertama 2007, UniMAP telah menandatangani dua Memorandum Perjanjian (MoA) dan tiga Memorandum Persefahaman (MoU) dengan agensi dan institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negara.

Memorandum Perjanjian (MoA) dan Memorandum Persefahaman (MoU) yang di tandatangani adalah seperti berikut :

Memorandum Perjanjian (MoA)

a) Institut Lanjutan Teknikal Terengganu (TATI)

Tarikh : 5 Februari 2007

Kandungan Memorandum merangkumi kerjasama di mana Pihak TATI akan menghantar staf akademiknya melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah di UniMAP manakala pelajar lepasan diploma TATI akan dihantar melanjutkan pengajian peringkat Sarjana Muda di UniMAP.

b) Jobmarket (M) Sdn. Bhd.

Tarikh : 5 Februari 2007

Kerjasama meliputi pelaksanaan program usahasama dalam memberi pengetahuan dari segi persediaan untuk alam pekerjaan, temuduga dan lain-lain kepada pelajar UniMAP serta membantu Pusat Kerjasama Industri mendapatkan tempat bagi latihan industri dan juga peluang pekerjaan untuk Pelajar UniMAP.

Memorandum Persefahaman (MoU)

a) BERNAMA

Tarikh : 26 Februari 2007

Kerjasama dalam hal ehwal perhubungan media.

b) La Trobe University, Australia

Tarikh : 7 Mac 2007

Kerjasama dalam program pertukaran pelajar, penempatan staf akademik, kepakaran di dalam bidang penyelidikan, perlantikan pakar akademik dan lain-lain.

c) Thaksin University, Thailand

Tarikh : 16 Mac 2007

Kerjasama dalam program usahasama melibatkan kursus/bengkel untuk pelajar, program pertukaran pelajar, penempatan staf akademik, kepakaran di dalam bidang penyelidikan, perlantikan pakar akademik dan lain-lain.

